

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005**

**Mac 2005**

**CMT313 – Pengurusan Projek Teknologi Maklumat & Multimedia**

**Masa : 2 jam**

**ARAHAN KEPADA CALON:**

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** soalan di dalam **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
- Jawab mana-mana **TIGA** soalan. Tulis jawapan anda dalam ayat penuh dan terangkan butiran jawapan dengan jelas.

1. (a) Huraikan mana-mana **tiga (3)** alat dan teknik yang boleh digunakan untuk mengenal pasti risiko pengurusan projek teknologi maklumat. (30/100)
- (b) Senaraikan dan terangkan **empat (4)** alasan mengapa organisasi-organisasi mencari sumber luar (outsourc). Apakah kelemahan-kelemahan mencari sumber luar? (40/100)
- (c) Bandingkan maklumat yang diperlukan oleh penaja projek dengan maklumat yang diperlukan oleh ahli pasukan projek. Apakah persamaan antara maklumat-maklumat ini? Apakah perbezaan antara maklumat-maklumat ini? (30/100)
2. (a) Apakah cabaran-cabaran dan peluang-peluang bagi projek teknologi maklumat yang dilaksanakan dalam organisasi berstruktur kefungsiian (functional)? (30/100)
- (b) Apakah gambar rajah Perato? Bagaimanakah ia boleh digunakan sebagai alat kawalan kualiti untuk suatu projek teknologi maklumat? (20/100)
- (c) Secara ringkas, beri ringkasan kerja yang dibuat oleh Maslow dan Herzberg. Bagaimanakah setiap teori mereka berkaitan dengan pengurusan projek? (50/100)
3. (a) (i) Bina suatu gambar rajah rangkaian dan hitung laluan genting dengan menggunakan maklumat yang diberikan dalam jadual di bawah:

Tugas/Aktiviti	Tempoh taksiran	Pendahulu
A	1 hari	Tiada
B	3 hari	A
C	4 hari	B
D	2 hari	B
E	1 hari	C
F	3 hari	C,D
G	3 hari	E
H	1 hari	F
I	2 hari	G, H
J	5 hari	I

(10/100)

- (ii) Apakah kebaikan-kebaikan gambar rajah rangkaian projek berbanding dengan carta Gantt tradisional?  
(20/100)
- (b) (i) Mengapakah mustahak untuk mentakrifkan skop projek dengan tepat dan lengkap?  
(10/100)
- (ii) Huraikan dengan ringkas rayapan (creep) skop. Huraikan **lima (5)** kaedah untuk mengelakkan rayapan skop.  
(40/100)
- (c) Apakah **tiga (3)** tujuan utama bagi kawalan perubahan bersepadu? Huraikan dengan ringkas proses kawalan perubahan bersepadu.  
(20/100)
4. (a) Huraikan ciri-ciri video.  
(30/100)
- (b) (i) Apakah kemahiran yang diperlukan untuk menulis skrip multimedia?  
(25/100)
- (ii) Apakah yang perlu anda pertimbangkan apabila anda membangunkan kandungan bagi suatu projek multimedia?  
(25/100)
- (c) Bagaimanakah cara untuk mendapatkan kandungan projek multimedia dipersetujui oleh pelanggan dengan cepat?  
(20/100)